

kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Bapa tunang kuat berhutang

SAYA seorang kerani yang baru bertunang tahun lalu. Masalah ini bukan mengenai tunang tapi perangai bakal bapa mentua saya.

Tunang saya muda beberapa tahun daripada saya, bekerja dan mempunyai pendapatan lebih rendah daripada saya. Setiap bulan tunang saya sudah memperuntukkan gajinya untuk diberikan kepada ibunya sebagai wang belanja.

Dia tidak dapat memberikan dalam jumlah besar kerana mempunyai tanggungan lain seperti sewa rumah dan kereta. Saya juga ada menaruh tunang memperuntukkan sejumlah wang sebagai simpanan perkahwinan kami yang bakal dilangsungkan tahun depan.

Saya tidak mahu meminjam dengan bank kerana itu hanya

bakal membebankan kami kelak.

Masalahnya bapa tunang saya hanya tahu meminta duit dari tunang hampir setiap bulan atas alasan ingin meminjam. Saya pelik kerana ayahnya masih bekerja dan mempunyai gaji besar. Saya dengan berat hati terpaksa memberitahu tunang supaya memberikan duit simpanan yang sedikit itu kepada bapanya.

Tunang tidak pernah meminta wang daripada keluarganya walaupun dia sendiri kesempatan wang. Saya sendiri turut memberinya duit belanja namun tidak kisah kerana dia memang pandai berjimat cermat.

Apabila tunang ingin meminta kembali duit yang

berkata dia amat berkira dengan keluarga. Malas bertengkar, tunang hanya mendiamkan diri saja.

Pernah saya terfikir mengapa mesti ditemukan dengan orang yang selalu mempunyai masalah duit. Saya tidak mahu masalah ini berlanjutan selepas kahwin.

Saya pernah memberikan pendapat kepada tunang supaya memberitahu mengenai keadaan kewangannya pada keluarga namun mereka tidak mahu memahami.

Saya bukan terlalu berkira dan tidak kisah jika berlaku sekali sekala namun ia berlanjutan setiap bulan. Saya buntu kerana perkahwinan kami tidak lama lagi.

Saya tidak mahu memberitahu keluarga kerana

takut mereka membenci tunang. Ibu saya kurang bersetuju dengan pertunangan kami kerana tunang anak sulung dan mempunyai adik-beradik ramai.

Saya sayangkannya namun tidak mahu masalah ini menjadi penghalang.

**GADIS TERTEKAN,
Selangor**

Jawapan

ADIK bertuah kerana mendapat seorang tunang yang baik. Dia tidak mengambil kesempatan selain membantu keluarga dalam masalah kewangan. Sebagai anak yang baik, tunang merasa tanggungjawabnya untuk membantu meringankan bebanan kewangan keluarganya.

Namun jika bantuan kewangan yang dibului

memberi masalah kepada tunang hingga perlu meminjam dengan adik, dia perlu memikirkan semula tindakan memberi pinjaman kepada ayahnya.

Pinjaman tunang kepada ayahnya boleh dikurangkan jumlah atau pun kekerapan memberi pinjaman. Ini tidak bermakna tunang adik langsung tidak mempedulikan ayahnya. Hanya tunang adik perlu bersifat lebih asertif dengan mengatakan dia juga perlu mengumpul wang untuk persiapan perbelanjaan perkahwinannya.

Keutamaan mengurus kewangan perlu ada pada diri tunang adik. Pada waktu sama, tunang boleh membantu ayahnya dengan kadar yang termampu. Bukan hingga tunang sendiri yang terjerat dalam masalah kewangan apatah

lagi ayahnya masih bekerja dan mempunyai punca pendapatan.

Apabila adik sudah berumah tangga nanti, hak adik sebagai isteri patut dipenuhi suami termasuk memberi nafkah zahir batin. Tugas suami untuk memberi nafkah ke atas isteri dan anak-anaknya adalah wajib. Allah berfirman "Dan kewajiban suami memberi makan dan pakaian kepada isteri dengan cara yang baik. Tidaklah seseorang dibebani, melainkan sesuai dengan kesanggupannya." (Surah Al-Baqarah ayat 233).

Perkara ini adik perlu berbincang dengan baik supaya tidak timbul masalah memberi wang perbelanjaan mencukupi apabila sudah berkahwin. Dr doakan adik dan tunang akan melayari rumah tangga bahagia selamanya.